



TAKLIMAT ... Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (dua dari kiri) diberi taklimat mengenai pendaratan gas di Kg. Gayang Tuaran.

# UMS sinar harapan rakyat Sabah

Oleh

Nipin Miraw

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah akan menjadi sinar harapan dan sumber ilham bumiputera di Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negeri Sabah yang kaya dengan hutan belantara, kehidupan laut dan alam sekitar serta adat resam dan budaya yang pelbagai menjadikannya tempat yang sungguh ideal untuk dijadikan pusat penyelidikan.

"Bagi kaum bumiputera, USM akan menjadi tonggak harapan dan sumber ilham untuk pembangunan negeri ini," kata Mahathir dalam upacara pecah tanah kampus tetap universiti berkenaan di Teluk Likas dekat sini kelmarin.

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Panglima Dr Siti Hasmah Mohd. Ali, Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Mohd. Said dan Menteri-menteri Persekutuan termasuk Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan diantara lebih 1,000 orang yang menyaksikan upacara bersejarah itu.

Dalam upacaranya Najib berkata UMS ditubuhkan sebagai susulan kepada ikrar Perdana Menteri dalam

perhimpunan umum di Beaufort lebih setahun lalu.

Sebagaimana yang dapat kita saksikan dari penubuhan UMS, ikrar tersebut bukanlah satu janji kosong kepada rakyat Sabah," kata Najib.

Fasa pertama pembinaan kampus ini yang bernilai kira-kira RM200 juta meliputi kawasan 413 hektar dijadualkan siap pada awal tahun 1998. Keseluruhan projek yang dicadangkan dalam tahun 1994, akan memerlukan Kerajaan Persekutuan mengeluarkan belanja sebanyak RM980 juta.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, UMS tidak hanya untuk memenuhi keperluan membantu pembangunan negara malah memberikan khidmatnya kepada rakyat dan negeri Sabah.

Untuk tujuan ini beliau menggesa universiti berkenaan memelihara kecemerlangan dalam menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang bermanfaat seperti integrasi diantara bumiputera dan bukan bumiputera dan di kalangan pelbagai suku kaum peribumi di negeri ini.

"Proses mengintegrasikan masyarakat peribumi Sabah agak unik," kata

Mahathir. "Kajian dalam bidang ini dapat membantu kerajaan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang mempunyai pengalaman sejarahnya dan nilai-nilai yang sama, serta mempunyai semangat persaudaraan.

"Pembentukan bangsa Malaysia akan menghapuskan halangan suku kaum tanpa menghilangkan identiti suku kaum itu sendiri," tambahnya.

Mahathir memuji UMS kerana cadangannya menubuhkan unit penyelidikan yang akan mengkaji biologi tropika dan cadangannya mewujudkan sebuah muzium habitat yang akan berfungsi sebagai tempat mendidik orang ramai mengenai warisan semula jadi disamping menyediakan pusat penyelidikan sistem bio untuk negara.

Langkah ini selaras dengan usaha negara meningkatkan penyelidikan dan kajian tentang rahsia penghidupan di muka bumi kerana penyelidikan ini tidak hanya akan meningkatkan pengetahuan kita mengenai alam sekitar negara ini malah akan memberikan pedoman kepada kita bagaimana hendak memelihara warisan alam sekitar kita tambahnya.